

**SULIT**  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
0 November  
3 2021  
**I** 2 jam

**1103/1**



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

*[Lihat halaman sebelah*  
**SULIT**

**SOALAN:**

*Maklumat di bawah berkaitan dengan pembelajaran secara dalam talian.*

*Huraikan pendapat anda tentang pembelajaran secara dalam talian.*

*Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Tugasan soalan:

Diharapkan calon dapat mengenal pasti dan menghuraikan **dua fokus** berkaitan dengan tema pembelajaran secara dalam talian.

1. Karangan hendaklah diperiksa seperti biasa sekiranya calon menjawab seperti berikut:
  - 1.1 Semua idea daripada bahan rangsangan.
  - 1.2 Sebahagian idea daripada bahan rangsangan.
  
2. Diharapkan calon dapat menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan:
  - 2.1 Fokus 1: Kelebihan pembelajaran secara dalam talian (Bahan 1 dan 3)
    - 1. (i) Mendalami ilmu
    - 1. (ii) Belajar di rumah mendekati ilmu
    - 1. (iii) Pandai membahagikan masa
    - 1. (iv) Penggunaan pelbagai medium pembelajaran dalam talian .(Microsoft Teams, Quizizz, Google Classroom, Zoom)
  
  - 2.2 Fokus 2: Cabaran pembelajaran secara dalam talian (Bahan 2)
    - 2. (i) Pelajar terkejar-kejar dengan jadual kelas yang padat
    - 2. (ii) Pelajar mengalami ketidakseimbangan emosi
    - 2. (iii) Capaian Internet yang tidak stabil
    - 2. (iv) Pelajar terpaksa berkongsi peranti dengan adik-beradik
  
3. Sekiranya calon menyatakan **satu fokus** sahaja daripada mana-mana bahan yang diberikan, maksimum peringkat **Kepujian (20-25)**.
  
4. Sekiranya calon tidak menyatakan fokus daripada mana-mana bahan yang diberikan tetapi masih menepati tema, maksimum peringkat **Memuaskan (15-19)**.
  
5. Komen pemeriksa
  - T - Tugasan
  - I - Idea
  - B - Bahasa
  - P - Pengolahan

**Soalan 1: DOMAIN AWAM**

Petikan akhbar di atas menyatakan potensi penternakan kambing di negara kita. Sebagai masyarakat yang prihatin, anda berminat untuk menulis rencana bertajuk 'Kepentingan Sektor Penternakan kepada Negara' untuk diterbitkan dalam majalah kepenggunaan.

Tulis rencana itu selengkapnya.

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN (Tema 7 Tingkatan 5)**

- a) **Format:** Rencana  
 i. Tajuk rencana  
 ii. Nama penulis
- b) **Diharapkan calon dapat:**  
 i. Menghuraikan kepentingan sektor penternakan kepada negara.
- c) **Kemungkinan:**  
 i. Calon menghuraikan isi tentang penternakan kambing sahaja – Diterima dan diperiksa seperti biasa  
 ii. Calon menghuraikan isi tanpa menggunakan format rencana – **Kepujian (50-59)**  
 iii. Calon mencampuradukkan isi sektor penternakan dan pertanian seperti perladangan dan penanaman tetapi isi sektor penternakan lebih dominan (nisbah isi 3:1, 2:1) – **Kepujian (50-59)**  
 iv. Calon mencampuradukkan isi sektor penternakan dan pertanian seperti perladangan dan penanaman (nisbah isi 2:2) – **Baik Atas (45-49)**  
 v. Calon mencampuradukkan isi sektor penternakan dan pertanian seperti perladangan dan penanaman tetapi isi sektor pertanian lebih dominan (nisbah isi 1:2, 1:3) – **Baik Bawah (40-44)**  
 vi. Calon menghuraikan sektor penternakan secara umum – **Memuaskan Bawah (30-34)**
- d) **Isi Cadangan:**  
 i. Menampung permintaan bekalan daging dalam negara/ memenuhi keperluan bahan makanan.  
 ii. Meningkatkan ekonomi negara/ meningkatkan pendapatan eksport negara.  
 iii. Mewujudkan peluang pekerjaan.  
 iv. Menyemai minat generasi muda dalam sektor penternakan.  
 v. Menggalakkan industri hiliran.  
 vi. Memperkasakan industri agropelancongan.  
 vii. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D)

**Soalan 2: DOMAIN PERIBADI**

Petikan akbar-di atas menjelaskan harapan negara untuk melihat golongan muda memainkan peranan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jelaskan peranan anda sebagai seorang remaja untuk menjadi warganegara yang berkualiti.

**TEMA: JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK (Tema 13 Tingkatan 5)**

a) Format: Tiada

b) Diharapkan calon dapat:

- Menjelaskan peranannya sebagai seorang remaja/ciri-ciri untuk menjadi warganegara yang berkualiti dalam menghadapi cabaran masa depan.

c) Kemungkinan:

- Calon menjelaskan peranannya untuk menjadi warganegara yang berkualiti dalam menghadapi cabaran masa depan dengan menggunakan kata ganti nama diri saya kita/remaja – **Diterima dan diperiksa seperti biasa**
- Calon menjelaskan peranannya untuk menjadi warganegara yang berkualiti tanpa mengaitkannya dalam menghadapi cabaran masa depan – **Kepujian (50-59)**
- Calon menjelaskan peranannya dan pihak lain untuk menjadi warganegara yang berkualiti tetapi peranan diri sendiri lebih dominan (nisbah isi 3:1, 2:1) – **Kepujian (50-59)**
- Calon menjelaskan peranannya dan pihak lain untuk menjadi warganegara yang berkualiti (nisbah isi 2:2) – **Baik Atas (45-49)**
- Calon menjelaskan peranannya dan pihak lain untuk menjadi warganegara yang berkualiti tetapi peranan pihak lain lebih dominan (nisbah isi 1:2, 1:3) – **Baik Bawah (40-44)**
- Calon menjelaskan peranan pihak lain sahaja untuk menjadi warganegara yang berkualiti – **Memuaskan Bawah (30-34)**

d) Isi Cadangan:

- Membentuk jati diri yang unggul/kental
- Mempertingkatkan ilmu pengetahuan
- Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran
- Mengamalkan nilai-nilai murni/ berintegriti
- Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara
- Menjauhkan diri daripada masalah sosial/ mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat
- Menguasai pelbagai bahasa

**Soalan 3: DOMAIN PENDIDIKAN**

Petikan akhbar di atas membuktikan bahawa Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) penting untuk memberikan kesedaran seawal usia kanak-kanak.

Bincangkan kesan-kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya.

**TEMA: INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA (Tema 2 Tingkatan 4)**

- a) Format: Tiada
- b) Diharapkan calon dapat:
  - i. Membincangkan kesan-kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya.
- c) Kemungkinan:
  - i. Calon membincangkan kesan-kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya kepada pelajar/ murid sahaja – **Diterima dan diperiksa seperti biasa**
  - ii. Calon membincangkan kebaikan/ faedah/ manfaat/ kelebihan/ kepentingan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya – **Diterima dan diperiksa seperti biasa**
  - iii. Calon membincangkan fokus selain kesan seperti langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara/ faktor-faktor melaksanakan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya – **Kurang Memuaskan (20-29)**
- d) Isi Cadangan:
  - i. Pelajar dapat meningkatkan tahap kesedaran tentang keselamatan di jalan raya.
  - ii. Pelajar dapat memupuk sikap positif/ nilai murni ketika berada di jalan raya.
  - iii. Pelajar dapat memahami bahagian jalan dan persekitaran yang selamat.
  - iv. Pelajar mampu melintas jalan raya dengan selamat.
  - v. Pelajar dapat memahami kegunaan alat keselamatan (tali pinggang keledar/ topi keledar/ pemantul cahaya) dan kepentingan penyelenggaraan basikal.
  - vi. Pengguna jalan raya lebih peka/ berwaspada terhadap keselamatan jalan raya.
  - vii. Pengguna jalan raya lebih berhemah/ bertimbang rasa ketika di jalan raya.
  - viii. Pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya.
  - ix. Pengguna jalan raya lebih mengutamakan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.
  - x. Mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

**Soalan 4: DOMAIN KERJAYA**

Petikan di atas menggambarkan situasi pilihan kerjaya pada masa akan datang.

Berikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital.

**TEMA: MEREALISASIKAN IMPIAN (Tema 1 Tingkatan 4)**

a) **Format:** Tiada

b) **Diharapkan calon dapat:**

- i. Memberikan pendapat tentang persediaan-persediaan untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital.

c) **Kemungkinan:**

- i. Calon memberikan pendapat tentang langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital – Diterima dan diperiksa seperti biasa  
*file umum (Boleh atas)*
- ii. Calon memberikan pendapat tentang persediaan-persediaan secara umum (berjumpa dengan kaunselor, mendapatkan nasihat ibu bapa) untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital – **Baik Atas (45-49)**
- iii. Calon memberikan pendapat tentang persediaan-persediaan secara umum (menyertai hari kerjaya, memperoleh keputusan yang cemerlang) tanpa mengaitkan dengan kerjaya dalam bidang digital – **Memuaskan (30-39)**

d) **Isi cadangan:**

- i. Mempelajari ilmu pengetahuan tentang penggunaan teknologi dan aplikasi.
- ii. Menyertai kursus/ bengkel yang berkaitan teknologi atau kemahiran digital.
- iii. Menguasai kemahiran komunikasi/ bahasa asing.
- iv. Mempelajari aspek keselamatan siber/ undang-undang jenayah siber.
- v. Mempunyai modal yang mencukupi.
- vi. Mengkaji peluang/ prospek kerjaya.
- vii. Mempunyai kru/ pasukan teknikal sebagai pembantu.
- viii. Membina jaringan sosial yang luas.
- ix. Mempunyai peralatan/ peranti/ studio yang canggih.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**